



مجلس ولاية كراي فيراق دارالريضاء

MAJLIS DAERAH KAMPAR
KOMPLEKS PENTADBIRAN, MAJLIS DAERAH KAMPAR,
JALAN ISKANDAR, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN
Tel : 05-4671020, 4671030 Faks : 05-4671040 www.mdkampar.gov.my



“MAJU DAN MEMBANGUN”

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil.(44b)dlm.MDKpr (KEJ)3/2014
Jld.12
Tarikh : 15 Rabiulakhir 1447H
7 Oktober 2025

Pengurus Koridor Negeri,
Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato' Ahmad Said,
30450 IPOH.

Tuan,

PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN UNTUK LEE CHOO SEONG DAN LEE CHO MUN DI JALAN PASAR, PEKAN GOPENG, GOPENG DARI KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN.

Kelulusan melakukan kerja korekan.



Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat tuan KUDR/LAP/B/08/25/0772(12) bertarikh 23 September 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis tiada halangan ke atas kebenaran melakukan kerja korekan seperti dimohon. Berdasarkan perbincangan tersebut, pihak tuan bersetuju terhadap beberapa perkara berikut:

- Menjelaskan fee korekan jalan/fee meletak bahan binaan dengan kadar **RM 390.00** dan bayaran deposit korekan jalan sebanyak **RM 2,000.00**.
- Mengemukakan surat tanggungjawab sepenuhnya bagi menurap semula laluan yang digunakan mengikut spesifikasi majlis iaitu **selebar 1meter dan sepanjang kawasan korekan**.
- Memastikan aliran trafik berjalan lancar dan tidak menimbulkan kacau ganggu.
- Bagi kerja-kerja yang melibatkan pemotongan persimpangan jalan atau laluan-laluan yang digunakan oleh orang awam diwajibkan pihak kontraktor untuk mengambus, merata dan menurap semula korekan tersebut serta merta pada hari yang sama dengan sempurna (**ketebalan 'crusher run' 150 mm dan turapan ACW14 50mm selepas dipadatkan**). Sila maklumkan kepada pihak Majlis selewat-lewatnya dua hari sebelum kerja ini dilaksanakan bagi tujuan pemantauan bahagian teknikal pihak Majlis. Penggunaan bahan hendaklah daripada butiran yang diluluskan.
- Pihak tuan juga bertanggungjawab terhadap lain-lain kerosakan harta awam seperti pondok bas, susur jalan (*road kerb*), landskap kawasan, longkang dan sebagainya yang berlaku akibat dari kerja yang dilaksanakan oleh pihak tuan tersebut.
- Mengadakan polisi insuran untuk tanggungan awam mengikut keperluan bidang kerja.
- Sila kemukakan salinan polisi berkenaan untuk simpanan Majlis sebelum kerja dimulakan.

beYoutiful@Kampar:



Direktori :



Ruj. Tuan :
 Ruj. Kami : Bil.(44b)dIm.MDKpr (KEJ)3/2014
 Jld.12
 Tarikh : Rabiulakhir 1447H
 Oktober 2025


- h. Mengadakan papan tanda sementara bagi tunjuk arah, dinding sesendeng, pengawal lalu lintas, lampu-lampu kecemasan, lampu malam dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi mengelakkan kemalangan.
- i. Pihak utiliti perlu bertanggungjawab ke atas apa jua kos yang terlibat bagi sebarang kerja-kerja pengalihan kelak. Jika melibatkan jalan yang baru diturap, pemohon perlu menurap semula keseluruhan jalan dengan sempurna.
- j. Mengemukakan softcopy pelan jajaran siapbina dalam format DWG dan SHP/TAB oleh juruukur berlesen.

3. Kelulusan ini boleh dipinda atau dibatalkan sekiranya pihak pemohon tidak mematuhi syarat yang ditetapkan

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KAMPAR BANDAR ILMU"

Saya yang menjalankan amanah,


 (TPr MUHAMAD HISHAM BIN HASHIM, PPT)
 b.p. Setiausaha,
 Majlis Daerah Kampar,
 Perak Darul Ridzuan

s.k. 1. Fail Timbul

"PERAK SEJAHTERA 2030"

| | |
|---|--|
| KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD | |
| TINDAKAN / MAKLUMAN | |
| <input checked="" type="checkbox"/> | KETUA OPERASI |
| <input type="checkbox"/> | PENGURUS SUMBER MANUSIA |
| <input type="checkbox"/> | KETUA PEMBANGUNAN PERINDAAN |
| <input checked="" type="checkbox"/> | PENGURUS KORIDOR NEGERI |
| <input type="checkbox"/> | PEGAWAI KRAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN |
| CATATAN | |
| FM/Pn S | |
|  | |
|  | |
| 23/10/2025 | |

JMN/Operasi/Permit
 - Surat pemdeluman
 - Laporan Pementauan
 - update tackle / MURAT

23/10